


Semak dulu status sekatan perjalanan sebelum rancang ke luar negara - LHDN

Februari 21, 2022



KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) menyarankan semua pembayar cukai agar membuat semakan status sekatan perjalanan terlebih dahulu sebelum merancang untuk ke luar negara bagi sebarang tujuan.

Sekatan perjalanan ke luar negara adalah tindakan yang dikenakan kepada individu dan pengarah syarikat yang tidak menjelaskan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dan cukai syarikat.

Dalam satu kenyataan hari ini, LHDN memaklumkan, pemakluman mengenai tindakan terbabit akan dibuat ke alamat terakhir yang dikemaskini oleh pembayar cukai kepada agensi berkenaan melalui data perculaian terkini yang direkodkan.

Pembayar cukai boleh menyemak status tunggakan cukai dan sekatan perjalanan melalui portal MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> atau laman web Jabatan Imigresen di <https://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

"Sekiranya pembayar cukai mempunyai tunggakan cukai dan dilarang ke luar negara, mereka dinasihatkan untuk menghubungi pejabat cawangan LHDN yang mengendalikan fail cukai mereka bagi tindakan sewajarnya," katanya.

Pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh disalurkan melalui Hasil Care Line di talian 03-89111000 / 603-89111100 (luar negara), HASIL Live Chat dan borang maklum balas di portal rasmi HASIL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.